

**JABATAN KERJA RAYA  
KENYATAAN TENDER**

Tender Pra-Kelayakan adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)/UPK/JUKONSA dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

| Pejabat Mengurus Tender  | Tajuk Projek   | Taraf Atau Jenis Syarikat | Gred, Kategori & Pengkhususan/Kelas, Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub-Kepala  | Tarikh Dokumen Mulai Dijual / Dimuat Turun  | Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama  | Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup  |
|--|--|---------------------------|--|---|--|--|
| Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan (Bahagian Bangunan Am 2), Ibu Pejabat JKR Malaysia | Pra-Kelayakan Untuk Pembinaan Kampus Baharu Kolej Profesional MARA (KPM) Kapit, Sarawak<br><br>No Tender : JKR/CKUB/23192/2024 | Taraf : Terbuka           | Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) CIDB<br>Gred : G7, Kategori : B & CE<br>Pengkhususan : B04 & CE21<br><b>Dan</b><br>Sijil Perolehan Kerja Kerajaan<br>Gred : G7, Kategori : B & CE<br><br>atau<br><br>Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) CIDB<br>Gred : G7, Kategori : B & CE<br>Pengkhususan : B04 & CE21<br><b>Dan</b><br>Sijil Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juruperunding Sarawak (UPKJ)<br><br><i>Tidak dibenarkan memohon kebenaran khas CIDB untuk gred dan pengkhususan dalam bidang yang telah ditetapkan</i> | Tarikh Dokumen Mula Dijual :<br><b>05 September 2024 (Khamis)</b><br><br>Tarikh Tutup Penjualan Dokumen :<br><b>12 September 2024 (Khamis)</b><br>Sebelum Jam 5.00 Petang | <u>Sila Rujuk Sistem JET Sebelum membuat bayaran</u><br><br>Harga Dokumen : RM 50.00<br><br>Kaedah Bayaran : Menerusi JomPAY Sahaja<br><br>Biller Code: 177501<br><br>Ref-1 : Nombor Tender JKR/CKUB/23192/2024<br><br>Ref-2 : Nama Syarikat<br><br><i>Bayaran tidak akan dikembalikan sekiranya kontraktor gagal memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan</i> | Tempat : Secara atas talian melalui Sistem JKR E-Tender (JET) <a href="https://tender.jkr.gov.my">https://tender.jkr.gov.my</a><br><br>Tarikh Tutup Pra-Kelayakan : <b>08 Oktober 2024 (Selasa)</b><br><br>Waktu : Sebelum Jam 12.00 Tengahari |

## **KRITERIA PRA-KELAYAKAN**

### **KRITERIA**

- 1) Kontraktor berdaftar yang telah digantung dari menyertai tender oleh CIDB atau UPKJ dari menyertai tender tidak layak untuk menyertai pra-kelayakan ini.
- 2) Kontraktor hendaklah mempunyai PPK dan SPKK atau PPK dan UPKJ yang masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya melebihi tiga (3) bulan dari tarikh tutup pra-kelayakan.
- 3) Kontraktor hendaklah mempunyai sijil score CIDB yang masih sah dengan minimum 3 bintang.
- 4) Kontraktor tidak dibenarkan memohon kebenaran khas daripada CIDB atau UPKJ untuk pengkhususan bidang kerja yang ditetapkan.
- 5) Kontraktor usahasama/ gabungan hendaklah mengemukakan perjanjian usahasama/ gabungan. Perjanjian tersebut hendaklah mengandungi maklumat pegangan ekuiti setiap rakan usahasama/ gabungan dan bertanggungjawab secara *jointly and severally* serta ditandatangani oleh kesemua rakan usahasama dan disetemkan.

### **KEUPAYAAN SYARIKAT**

Kontraktor mestilah melepasi penilaian Keupayaan Kewangan dan penilaian Keupayaan Teknikal seperti berikut:

Keupayaan Kewangan:

- *Nett Worth* : Melebihi 20% dari NTBK atau,
- Modal Pusingan : Melebihi 10% dari NTBK atau,
- Modal Mudah Cair : Minimum RM2,700,000.00

### **KEUPAYAAN TEKNIKAL**

- 1) Kontraktor hendaklah mempunyai pengalaman yang mencukupi iaitu Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja Tertinggi bagi projek-projek pembinaan **SERUPA** yang telah dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh lima (5) tahun lepas melebihi 30% dari Nilai Tahunan Bebanan Kerja (NTBK) serta berpengalaman sebagai kontraktor utama dalam melaksanakan dan menyiapkan projek kerajaan/swasta.
- 2) Tidak mempunyai rekod kerja semasa yang **SAKIT** serta bebas daripada rekod prestasi kerja yang tidak memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun lepas dari segi tempoh penyediaan dan kualiti kerja.

### **PERUNDING BERTAULIAH**

Kontraktor perlu melantik perunding-perunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (*Independent And Not In-House Consultant*) bagi menyediakan cadangan rekabentuk di peringkat pra-bida kelak. kriteria firma perunding adalah seperti berikut:

- Berdaftar dengan Lembaga Professional yang berkenaan; dan
- Berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

### **JKR E-TENDERING (SISTEM JET)**

- 1) Kontraktor hendaklah mengambil perhatian bahawa tender projek ini adalah secara **Reka dan Bina**. Manakala proses tender akan dilaksanakan secara atas talian melalui Sistem JET. Kontraktor perlu berdaftar dengan Sistem JET melalui laman sesawang <https://tender.jkr.gov.my> dan mempunyai akaun pengguna (Kontraktor) bagi menyertai tender projek ini.
- 2) Kontraktor perlu memuat naik sijil pendaftaran yang berkaitan dan resit pembayaran melalui JomPAY bagi tujuan pembelian Dokumen Pra-Kelayakan secara atas talian. Dokumen Pra-Kelayakan hanya akan dijual kepada kontraktor yang layak berdasarkan kepada maklumat pendaftaran dan bukti pembayaran yang dikemukakan.
- 3) Kontraktor yang layak menyertai tender pra-kelayakan perlu membuat pembayaran secara atas talian dalam tempoh penjualan yang telah ditetapkan. Bayaran tidak akan dikembalikan bagi kontraktor yang tidak memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dalam iklan pra-kelayakan.
- 4) Kontraktor yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan akan menerima e-mel pemakluman bagi pengesahan pembelian Dokumen Pra-Kelayakan dalam tempoh satu (1) hari bekerja dan boleh memuat turun dokumen secara salinan lembut (*softcopy*) melalui Sistem JET. Kontraktor hendaklah memastikan semua dokumen yang telah dimuat turun adalah sebagaimana yang telah disenaraikan dalam Senarai Semakan Kandungan Dokumen Pra-Kelayakan.
- 5) Kontraktor bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan setiap dokumen pra-kelayakan yang dimuat turun adalah lengkap. Sekiranya terdapat sebarang ketidaksempurnaan pada dokumen atau muka surat di dalam dokumen pra-kelayakan berkenaan berdasarkan semakan oleh Kontraktor dengan Dokumen Meja Pra-Kelayakan yang dipaparkan dalam Sistem JET, adalah menjadi tanggungjawab Kontraktor untuk merujuk kepada pejabat yang mengeluarkan Dokumen Pra-Kelayakan supaya pembedaan kepada ketidaksempurnaan tersebut dapat dibuat.
- 6) Kerajaan tidak akan bertanggungjawab sekiranya Kontraktor cuai dalam memastikan kesempurnaan dokumen-dokumen pendaftaran dan resit pembayaran yang dimuat naik, dokumen yang perlu dimuat turun dan dokumen-dokumen untuk penyerahan tender Pra-Kelayakan. Sebarang aduan berkaitan perkara ini tidak akan dilayan.